

# SOALAN LAZIM (FAQ)

Wakaf Tunai Mesin Dialisis Agrobank & PICOMS-MAIWP



<b>Apa itu Wakaf?</b>	<p><b>Dari sudut bahasa:</b> Berhenti, menahan &amp; menghalang.</p> <p><b>Dari segi istilah:</b> Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat disamping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.</p>
<b>Hukum Wakaf Tunai</b>	Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam mesyuaratnya yang ke-15 pada 2004 di Muscat, Oman memutuskan, "Wakaf wang tunai adalah dibenarkan dari sudut syarak kerana tujuan utama daripada wakaf untuk mengekalkan harta wakaf dan menyebarkan manfaatnya mampu dicapai dari wang tunai."  Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007 telah memutuskan bahawa konsep wakaf tunai adalah dibenarkan dalam Islam.
<b>Apakah Wakaf Tunai Mesin Dialisis Agrobank &amp; PICOMS-MAIWP?</b>	Agrobank dengan kerjasama pihak Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PICOMS), yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah melancarkan inisiatif wakaf ini bagi membantu menangan masalah kritis buah pinggang disebabkan kekurangan mesin dialisis disamping memenuhi permintaan yang tinggi dari pesakit-pesakit dari kalangan orang awam.
<b>Berapakah jumlah kutipan sasaran Wakaf Tunai ini?</b>	RM600,000
<b>Ke manakah hasil sumbangan Wakaf Tunai ini akan disalurkan?</b>	Hasil sumbangan Wakaf Tunai ini akan disalurkan kepada PICOMS-MAIWP untuk pembelian lima belas (15) mesin dialisis iaitu mesin khas yang digunakan bagi proses pembersihan darah disebabkan kegagalan fungsi buah pinggang. Mesin-mesin ini akan ditempatkan di tiga cawangan Pusat Rawatan Dialisis MAIWP yang terletak di Batu Muda Gombak, Jalan Pahang dan Bukit Anggerik Cheras atau di mana-mana lokasi yang akan ditentukan oleh pihak MAIWP, dan akan diselia sepenuhnya oleh pihak PICOMS-MAIWP.
<b>Siapakah penerima manfaat Mesin Dialisis ini?</b>	Mesin-mesin dialisis ini akan digunakan untuk tujuan rawatan hemodialisis atau pembersihan darah oleh pesakit-pesakit buah pinggang dari orang awam terutama daripada golongan asnaf dan yang kurang berkemampuan yang dikenalpasti dan mendapat pembiayaan dari pihak MAIWP. Pesakit dari kalangan komuniti pertanian yang diiktiraf juga mendapat manfaat rebat dari caj penggunaan mesin-mesin ini. Pesakit-pesakit ini perlu bergantung hayat kepada mesin dialisis bagi meneruskan kehidupan.
<b>Apakah faedah berwakaf melalui Agrobank</b>	i. Mudah tanpa mengira masa dan tempat melalui platform Agrobank sedia ada ii. Membolehkan orang ramai beramal tanpa had bermula serendah RM1.00 iii. Sumbangan adalah diiktiraf oleh MAIWP iv. Dana yang dijana akan disalurkan terus kepada pihak PICOMS-MAIWP dan dimanfaatkan segera untuk kegunaan pesakit yang memerlukan
<b>Bagaimana sumbangan Wakaf Tunai Agrobank &amp; PICOMS-MAIWP boleh dilakukan</b>	Sumbangan boleh dilakukan melalui salah satu cara berikut: i. Secara pindahan akaun daripada mana-mana perbankan internet (i.e. Online Banking / Agronet) ke dalam akaun "WAKAF AGROBANK PICOMS & MAIWP" (nombor akaun: 1007021000076102) ii. <b>Pilihan secara tunai atau cek di kaunter semua cawangan Agrobank.</b> Nama penerima yang perlu dinyatakan pada cek, "WAKAF AGROBANK PICOMS & MAIWP" (nombor akaun: 1007021000076102) iii. Melalui Arahan Pembayaran Tetap untuk potongan daripada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa Agrobank iv. Melalui fungsi DuitNow pada aplikasi Agronet Mobile

	<p>v. Melalui saluran-saluran terbaru Agrobank yang akan dimaklumkan kepada pelanggan dari masa ke semasa</p> <p><b>*Pelanggan adalah digalakkan untuk melakukan pindahan atas talian (online transfer) sepetimana item (i) di atas terutama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</b></p>
<b>Jumlah minimum sumbangan wakaf</b>	<p>i. Sumbangan boleh dilakukan serendah RM1.00 melalui pembayaran secara atas talian melalui perbankan internet</p> <p>ii. <b>Minimum RM10 untuk pembayaran secara tunai dan minimum RM100 melalui cek di kaunter cawangan Agrobank</b></p> <p>iii. Tiada had maksimum dikenakan berhubung nilai sumbangan wakaf. Sumbangan boleh dilakukan sehingga jumlah kutipan sasaran berjaya dikumpulkan.</p>
<b>Kemanakah sumbangan disalurkan sekiranya jumlah kutipan sasaran telah berjaya diperolehi?</b>	Akaun kutipan Wakaf Tunai ini akan ditutup dan segala urusan kutipan akan dihentikan apabila jumlah kutipan sasaran telah berjaya dikumpulkan. Sekiranya terdapat sebarang pembayaran dilakukan selepas kutipan sasaran berjaya dikumpulkan dan sebelum penutupan akaun, sumbangan tersebut akan disalurkan untuk tujuan wakaf projek-projek lain yang akan ditentukan kemudian, tertakluk kepada keputusan Agrobank and Jawatankuasa Pengurusan Bersama Agrowaaf.
<b>Siapakah yang boleh menyumbang kepada Wakaf Tunai ini?</b>	Sumbangan Wakaf Tunai Agrobank & PICOMS-MAIWP ini adalah terbuka kepada semua individu dan bukan individu (i.e. Syarikat, perkongsian, milikan, persatuan, masyarakat, organisasi, koperasi, masjid, surau, sekolah, madrasah dan lain-lain) yang yang berumur 18 tahun ke atas.
<b>Bolehkah mereka yang tidak memiliki akaun Agrobank / warga asing menyumbang ke dalam Wakaf Tunai ini?</b>	Ya, sumbangan amatlah dialu-alukan walaupun mereka tidak memiliki akaun Agrobank. Sumbangan boleh dilakukan melalui medium-medium yang berkenaan seperti yang dinyatakan di atas.
<b>Bolehkah orang bukan Islam menyumbang dan/atau menikmati faedah daripada Wakaf Tunai ini?</b>	Ya, sumbangan mereka amat dialu-alukan. Manfaat dan faedah dari dana wakaf ini adalah untuk semua pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis tanpa mengira latarbelakang dan agama.
<b>Bolehkah sumbangan dilakukan untuk pihak ketiga?</b>	Ya, sumbangan boleh diwakafkan di atas nama ibu/bapa, anak, pasangan atau individu/ bukan individu yang dinyatakan.
<b>Bolehkah pelanggan dari negeri-negeri yang lain menyumbang kepada Wakaf Tunai ini?</b>	Ya, sumbangan amatlah dialu-alukan dan boleh dibuat di mana-mana cawangan Agrobank yang berdekatan atau melalui medium-medium seperti yang dinyatakan di atas.
<b>Bolehkah pelanggan menuntut kembali dana yang telah disumbangkan kepada Wakaf Tunai ini?</b>	Tidak. Dana yang telah diwakafkan tidak boleh dituntut kembali. Begitu juga dengan kedudukan harta wakaf yang telah dimanfaatkan dari dana ini iaitu mesin-mesin dialisis adalah kekal sebagai hak Allah SWT, dengan demikian ia tidak boleh dimiliki, dijual, dihadiahkan, diwarisi dan/atau dipusakai.
<b>Siapakah pemilik harta Wakaf menurut sudut perundangan?</b>	Pemilikan harta bagi Wakaf Dialisis Agrobank & PICOMS-MAIWP ini adalah dibawah pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
<b>Maklumat dan pertanyaan Lanjut</b>	<p>Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Alamat: Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.</li> <li>• Tel: 1-300-88-2476</li> <li>• Faks: 603-2691 7790</li> <li>• E-mel: <a href="mailto:customer@agrobank.com.my">customer@agrobank.com.my</a></li> <li>• Web: <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a></li> </ul>